

**Jualan Syarikat Malaysia Di Pameran Cenderamata HK Cecah RM10.65 Juta
Bernama
8 Mei, 2014**

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Syarikat Malaysia yang mengambil bahagian dalam Pameran Premium dan Cenderamata Hong Kong bermula 27-30 April mencatatkan jualan bernilai RM10.65 juta.

Pameran cenderamata dan premium itu adalah yang terulung di Asia dan merupakan antara yang terbesar di dunia, kata Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) dalam satu kenyataan Khamis

Syarikat Malaysia yang ditempatkan di bawah Pavilion Malaysia dan diselaraskan oleh Matrade menerima sambutan amat menggalakkan daripada pembeli antarabangsa seperti China, UAE, Sepanyol, Argentina, Amerika Syarikat, Kanada dan Asean.

Antara produk yang mendapat perhatian ialah pakaian, beg golf, sarang burung untuk hadiah korporat, karya seni kayu 2D, sarung telefon bimbit dan trofi piuter.

Sebanyak 4,200 pempamer dari lebih 35 negara dan 16 pavilion nasional menyertai pameran itu dan ia berjaya menarik kira-kira 30,000 pembeli daripada 151 negara.

Matrade mengetengahkan cenderamata Malaysia yang mempunyai kualiti dan reka bentuk yang unik.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1036757>